

Bil. 4

Rabu
20 Februari 2019



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

Mengenai:

**Projek Sistem Kutipan Caj Jalan dan
Rekod Kemasukan Kenderaan Asing**

Kementerian Pengangkutan Jalan:

- (i) YBhg Tuan Mohd Khairul Adib Abd Rahman,
Ketua Setiausaha

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL KEDUA**

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2 BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA
RABU, 20 FEBRUARI 2019

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] - *Pengerusi*
YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] - *Timbalan Pengerusi*
YB. Tuan Wong Chen [Subang]
YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]
YB. Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]
YB. Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]
YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]
YB. Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

Tidak Hadir [Dengan Maaf]

YB. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
YB. Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]
YB. Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]
YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]
YB. Tuan Robert Lawson Chuat [Betong]

URUS SETIA

Encik Amisyahrizan bin Amir Khan [Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan Rakyat)]
Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Encik Rosli bin Aw Ahmad [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Cik Fatin Izzati binti Mohd Radzi [Jurubahasa Serentak Kanan II (Jurubahasa dan Terjemahan, Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA**Jabatan Audit Negara**

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan [Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi)]
Puan Yusnani binti Zakaria [Pengarah Audit (Bahagian III, Sektor Audit Prestasi)]
Encik Saiful Anuar bin Zakaria [Timbalan Pengarah Audit (Bahagian III, Sektor Audit Prestasi)]
Dr. Sayed Alwee Hussnie bin Sayed Hussin [Timbalan Pengarah (Bahagian Susulan Audit, Sektor Audit Prestasi)]
Puan Nik Norwati binti Nik Harun [Ketua Seksyen Audit (Bahagian III, Sektor Audit Prestasi)]
Encik Noor Sazalli bin Mohd Zahari [Penolong Juruaudit (Bahagian III, Sektor Audit Prestasi)]
Puan Juliana binti Shariman [Penolong Juruaudit (Bahagian Susulan Audit, Sektor Audit Prestasi)]
Encik Abdul Rahman bin Abdul Hadi [Penolong Juruaudit (Bahagian III, Sektor Audit Prestasi)]
Puan Norhanim binti Hashim [Penolong Juruaudit (Bahagian III, Sektor Audit Prestasi)]

Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)

Encik Suhaili bin Ahmad [Setiausaha Bahagian (Strategi Korporat dan Komunikasi)]
Puan Norizam binti Abas [Ketua Unit (Dasar ICT dan Projek Khas Agensi, Bahagian Strategi Korporat dan Komunikasi)]
Encik Hazlan bin Abdul Aziz [Ketua Unit (Transformasi Perbendaharaan, Bahagian Strategi Korporat dan Komunikasi)]
Puan Muhairan binti Musa [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Teknikal Perolehan Kerajaan)]
Encik Mohammad Adam Danial bin Hafiz Goh [Penolong Setiausaha (Kawalan Pemantauan, Bahagian Strategi Korporat dan Komunikasi)]
Puan Syazatul Syeila binti Zamani [Penolong Setiausaha (Bahagian Perolehan Kerajaan)]

Jabatan Peguam Negara

YBhg. Datuk Amirudin bin Abd. Rahman [Timbalan Ketua Bahagian Penasihat (Munisipal) I]
Puan Chong Li Lian [Peguam Kanan Persekutuan]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM)

YBhg. Datuk Abdul Aziz bin Aban [Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pencegahan Rasuah Malaysia]

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

Puan Noor Aini binti Ahmad [Timbalan Pengarah Kanan (Unit Laporan Ketua Audit Negara dan Operasi Khas) (Perkhidmatan)]

Jabatan Akauntan Negara (JAN)

Encik Azeman bin Miskah [Timbalan Pengarah (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi)]

*samb/-***HADIR BERSAMA** (*samb/-*)**Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA)**

Puan Maniza binti Mahfuz [Ketua Penolong Pengarah (Pengangkutan Awam dan Keretapi II)
(Bahagian Infrastruktur dan Kemudahan Awam)]

Puan Hidah binti Misran [Timbalan Pengarah I (Bahagian Infrastruktur dan Kemudahan Awam)]

SAKSI**Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT)**

YBhg. Datuk Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman [Ketua Setiausaha]

YBhg. Dato' Jana Santhiran Muniayan [Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)]

YBhg. Dato' Mohd Fadzli bin Mohd Kenali [Setiausaha Bahagian (Bahagian Logistik dan
Pengangkutan Darat)]

Encik Suhaimi bin Ali @ Ahmad [Setiausaha Bahagian (Bahagian Pentadbiran dan Kewangan)]

Puan Rosliza binti Hamzah [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Pengurusan Maklumat)]

Encik Megat Farizul Ikhwan bin Megat Khushari [Penolong Setiausaha (Bahagian Logistik dan
Pengangkutan Darat)]

Encik Nor Azam bin Abd. Rahman [Penolong Setiausaha (Bahagian Logistik dan Pengangkutan
Darat)]

Puan Azlin binti Sabtu [Penasihat Undang-undang]

Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ)

YBhg. Dato' Sri Shahrudin bin Khalid [Ketua Pengarah]

YBhg. Dato' Ahmad Nasir bin Abdul Ghani [Pengarah (Bahagian Penguatkuasa)]

Encik Khairul Anwar bin Bachok [Pengarah (Bahagian Penguatkuasa)]

Encik Zulkhairi bin Ibrahim [Pengarah (Bahagian Teknologi Digital)]

LAPORAN PROSIDING**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL PERTAMA****Rabu, 20 Februari 2019****Bilik Jawatankuasa 1, Tingkat 2 Blok Utama,
Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur****Mesyuarat dimulakan pada pukul 09.08 pagi***[Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Pengerusi: Selamat pagi, salam sejahtera kepada semua Ahli PAC. Saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina kepada semua rakan yang meraikan Tahun Baru Cina. Semalam hari ke-15 Chap Goh Mei sudah berakhir.

Yang Berbahagia Datuk Roosme, selamat datang kepada semua *ex officio* yang hari ini hadir terdiri daripada Kementerian Kewangan, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Audit Negara, Jabatan Peguam Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan Jabatan Akauntan Negara.

Ahli-ahli Yang Berhormat, hari ini PAC mengadakan prosiding projek Sistem Kutipan Caj Jalan dan Rekod Kemasukan Kenderaan Asing (VEP) yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2017 Siri 2. Hadir di hadapan PAC sebentar lagi adalah Yang Amat Berbahagia Datuk Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan bersama Yang Berbahagia Dato' Jana Santhiran Muniayan, Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan MOT dan Yang Berbahagia Dato' Sri Shahrudin bin Khalid, Ketua Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan selepas taklimat ini nanti.

Izinkan saya memberi sedikit latar belakang ringkas mengenai projek ini yang bermula pada 27 Mac 2015, selepas Jemaah Menteri membenarkan MOT melalui JPJ melaksanakan kutipan RC serta mendaftar dan mengeluarkan tag *Radio Frequency Identification Device (RFID)* bagi sistem VEP untuk semua kenderaan berpendaftaran asing yang memasuki negara ini.

■0910

Projek ini dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik secara rundingan terus dengan kos berjumlah RM149.45 juta membabitkan dua kontrak berasingan iaitu *capital expenditure contract (CAPEX)* berjumlah RM45.15 juta dan *operational expenditure contract (OPEX)* berjumlah RM104.3 juta. Berdasarkan kontrak CAPEX, tempoh kontrak adalah 17 bulan dua minggu

berakhir 30 April 2017 termasuk 12 bulan tempoh jaminan. Manakala berdasarkan kontrak OPEX, tempoh pelaksanaan adalah selama lima tahun bermula 1 Ogos 2016 hingga 21 Julai 2021.

Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017 Siri 2, dilaporkan bahawa Ketua Audit Negara menjelaskan bahawa Menteri Pengangkutan ketika itu mendapatkan kelulusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika itu untuk melantik kontraktor secara rundingan terus dan MOF meluluskan perolehan secara rundingan terus pada 27 Julai 2015. Bagaimanapun, Laporan Jawatankuasa Teknikal dan Kewangan MOT yang diadakan pada 15 Oktober 2015 berpendapat kontraktor tidak ada pengalaman dalam bidang berkaitan dan baru ditubuhkan pada 9 Mac 2012. Selain tidak mempunyai kemampuan kewangan dengan baki penyata bank hanya berjumlah RM36.54 sedangkan keperluan modal minimum yang ditetapkan adalah sebanyak RM2.3 juta.

Sehubungan dengan itu, tanpa membuang masa jawatankuasa ini akan mendengar taklimat ringkas daripada Yang Berbahagia Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan Timbalan Ketua Audit Negara Bahagian Prestasi yang mewakili Ketua Audit Negara Tan Sri Dr. Madinah berhubung pengauditan yang dijalankan serta status terkini projek ini dalam Laporan Ketua Audit Negara sebelum kita memanggil saksi masuk bagi memberikan penjelasan selepas taklimat ini diadakan. Jadi, tanpa membuang masa saya jemput Tuan Haji Khalid, Timbalan Ketua Audit Negara untuk memberikan taklimat.

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan [Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi) Jabatan Audit Negara]: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi PAC. *Bismillahir Rahmanir Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Yang saya hormati Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee Pengerusi PAC, Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh Naib Pengerusi PAC, Ahli-ahli Yang Berhormat PAC, Yang Berhormat Datuk-datuk, tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Pertamanya, saya ingin menyampaikan salam daripada Ketua Audit Negara yang tidak dapat hadir pada pagi ini dan saya telah diwakilkan untuk memberi taklimat ringkas mengenai kajian audit yang telah kita laksanakan dan telah dilaporkan dan dibentangkan di Parlimen untuk Laporan Ketua Audit Negara yang lepas. Jadi pagi ini tajuk yang kita laporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017 Siri 2 ini iaitu pengauditan terhadap projek Sistem Kutipan Caj atau *Road Charges* dan Rekod Kemasukan Kenderaan Asing atau *Vehicle Entry Permit* (VEP).

Untuk makluman Yang Berhormat Ahli-ahli PAC, projek RC dan VEP ini merupakan sebuah projek di bawah Kementerian MOT iaitu Kementerian Pengangkutan Malaysia dan agensi pelaksana melibatkan JPJ iaitu Jabatan Pengangkutan Jalan. Tujuan utama projek ini adalah untuk membolehkan kerajaan mengutip caj jalan sejumlah RM20 untuk sekali masuk untuk kenderaan persendirian dan juga mendaftar kenderaan, memantau pergerakan trafik serta

mengenal pasti kenderaan yang mempunyai saman-saman tertunggak. Sistem ini dipasang di Kompleks Imigresen, Kastam dan Kuarantin, Bangunan Sultan Iskandar dan juga di Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin Kompleks Sultan Abu Bakar Johor.

Seperti mana disebutkan oleh Yang Berhormat Pengerusi tadi, kontraktor projek ini dilantik secara rundingan terus dengan kos berjumlah RM149.45 juta melibatkan dua kontrak berasingan iaitu *capital expenditure contract* (CAPEX) dan satu lagi adalah melalui *operational expenditure contract* (OPEX) berjumlah RM104.3 juta. Sepatutnya projek ini siap secara keseluruhan pada 30 April 2016 dan kemudian kerajaan telah meluluskan tiga EOT dengan tarikh siap baru pada 14 September 2017. Namun sehingga Februari 2019 hanya skop RC sahaja yang berjaya disiapkan dan telah beroperasi dan kita tidak nafikan bahawa RC ini telah mencapai objektif dan pungutan sejak siap menunjukkan kutipan memberangsangkan.

Secara keseluruhannya, projek ini belum diserahkan kepada kerajaan dan masih di peringkat *final acceptance testing*. Nanti pembentangan lebih *detail* mengenai status di mana RC telah diserahkan manakala untuk VEP itu masih di peringkat katanya *final acceptance testing* dan isu-isu berkaitan pembayaran bagi kontrak CAPEX akan kita halusi sekejap lagi.

Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Pengerusi serta Ahli-ahli PAC, bagi memudahkan prosiding dan pertanyaan, kita ingin *just to highlight the gist of this report, major issue* yang kita rasakan patut di *pursue* di peringkat PAC ini. Satu, tadi saya sudah sebut RC yang telah diserahkan dan beroperasi telah berjaya mengutip caj jalan sejumlah RM177.18 juta bermula November 2016 sehingga Jun 2018.

Namun begitu, apabila skop *Vehicle Entry Permit* (VEP) itu tidak siap mengikut rancangan, objektif kerajaan untuk memantau pergerakan kenderaan serta mengesan kenderaan yang mempunyai kesalahan tidak dapat dijalankan. *Interestingly*, dari segi kontrak ini Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Melalui kontrak CAPEX kita dapati bahawa kedua-dua komponen RC dan VC merupakan di bawah satu kontrak.

There is no demarcation between RC and VC. All together there are 23 modules dan tujuh adalah di bawah RC yang mana telah di *deliver*. *They had made payment 40 percent* mengikut kontrak pembayaran adalah mengikut *progress* iaitu *40 percent for the first payment, second payment another 40 percent for the delivery of VEP* itu dan *20 percent* yang terakhir.

Namun demikian, nanti kita akan nampak bahawa pembayaran sehingga *80 percent* telah dibuat walaupun *VEP was not delivered, it is not operational yet but it's already being paid in full*.

Now, perkara kedua adalah aspek perolehan yang kurang teratur. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 27 Mac 2015 telah memutuskan perolehan projek ini dibuat secara tender terbuka. Kemudian Yang Berhormat Menteri Pengangkutan telah memohon kelulusan daripada Yang

Amat Berhormat Perdana Menteri ketika itu untuk pelantikan secara rundingan terus atas sebab keperluan pelaksanaan segera.

Namun begitu, justifikasi pelantikan kontraktor bertentangan dengan keputusan Jawatankuasa Teknikal dan Kewangan. Ini disebabkan di peringkat jawatankuasa itu ada menyatakan bahawa kapasiti dan *capability* kontraktor ini dari segi teknikal itu tidak ada. Walaupun demikian telah di *pursue*.

Perkara ketiga yang utama adalah wujud elemen pembayaran yang tidak menepati syarat kontrak CAPEX yang berjumlah RM18.06 juta. Ini merupakan pembayaran 40 peratus seperti saya sebut tadi untuk skop VEP yang menetapkan syarat untuk dilaksanakan selepas *final acceptance testing* dilakukan untuk VEP – ini telah dibayar. Perkara yang saya bangkitkan ini mungkin menjadi asas kepada PAC untuk membincangkan isu-isu yang telah berbangkit hasil daripada pengauditan kita terhadap tajuk RC dan VEP di bawah Kementerian Pengangkutan.

■0920

Untuk sedikit perincian kepada penemuan tadi, saya hendak jemput Encik Saiful, Tuan Pengerusi dengan izin untuk menyampaikan dan mungkin kita boleh interaksi— *I mean* Yang Berhormat boleh bertanyalah apa-apa isu yang perlu *clarification, we will update and as well as we will update you on the status as at the current time on the issue* yang telah berbangkit. Dengan itu terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Saya jemput Encik Saiful. *Please*.

9.20 pg.

Encik Saiful Anuar bin Zakaria [Timbalan Pengarah Audit (Bahagian III, Sektor Audit Prestasi) Jabatan Audit Negara]: Terima kasih yang berusaha Timbalan Ketua Audit Negara. Yang saya hormati Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Naib Pengerusi PAC, Ahli-ahli PAC dan semua yang hadir pada mesyuarat kali inilah.

First, saya minta maaflah berlaku masalah teknikal. Kita tidak boleh pancarkan slaid hari ini. Ada edaran. *So*, kita boleh rujuk kepada edaran *hard copy* yang saya berikan.

So, seperti mana yang dimaklumkan tadi sebenarnya adalah daripada Tuan Pengerusi sedikit tadi dan juga berusaha Yang Berhormat Timbalan Ketua Audit Negara pun ada maklum, *so* mungkin saya boleh teruskan ke slaid nombor sembilan. [*Merujuk kepada dokumen*]

Sebenarnya saya hendak— sebenarnya dalam slaid saya itu dia ada paparan macam mana *the system* berfungsi. *So*, untuk slaid nombor sembilan itu sebenarnya adalah kenderaan daripada negara Singapura yang masuk ke Malaysia. *So*, sistem itu akan mengenal pasti kenderaan ini. Jika kenderaan itu kenderaan persendirian berpendaftaran asing, kerajaan

kita akan dikenakan caj sebanyak RM20. So, rakyat *Singapore* dia akan bayar *and then* dia akan masuk ke negara kita lah.

Untuk slaid berikutnya itu, itu adalah apabila kenderaan-kenderaan asing ini dia hendak balik ke negara dia, daripada negara kita dia akan ke sana. Dia akan— ia ada dua fungsi dekat sini, pertama ia akan mengenal pasti sama ada kenderaan-kenderaan ini ada kesalahan atau tidak. Itu kemampuan sistem inilah. Jika ada kesalahan, sepatutnya dia kena menjelaskan dahulu *and then* barulah pihak JPJ melepaskan kenderaan ini untuk memasuki negara mereka.

Itu adalah fungsi utama sistem RC dan VEP. Untuk *next* slaid. Slaid 11. Ini adalah peralatan-peralatan utama yang dipasang di pintu masuk negara kitalah iaitu empat komponen utama iaitu kalau kita nampak kita ada *barrier gate*, kita ada *RFID reader*, kita ada kamera dan juga LED skrin untuk memaparkan sama ada maklumat-maklumat seperti saman ataupun keperluan pembayaran dan sebagainya.

So, *next slide* iaitu slaid 12. Dari segi objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan projek ini telah dilaksanakan secara berhemat, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif seperti berikut. Iaitu yang pertama adalah untuk mengutip caj jalan bagi kenderaan persendirian asing yang memasuki Malaysia. Kedua, adalah untuk mendaftar dan merekodkan maklumat semua kenderaan yang masuk dan keluar di pintu sempadan. Ketiga, adalah untuk menguatkuasakan saman trafik tertunggak JPJ dan PDRM di pintu keluar dan juga membantu mencegah penyeludupan kenderaan dan memantau kemasukan kenderaan yang melebihi had tempoh iaitu tiga bulan.

Dari segi *scoping* kita, kita ada dua bidang utama yang kita semak iaitu dari segi prestasi projek dan juga pengurusan projek. Prestasi projek ini apa yang kita *cover* adalah dari segi prestasi fizikal, pencapaian output, pencapaian *outcome*. Manakala pengurusan projek meliputi prestasi kewangan, perancangan projek, pengurusan perolehan, pentadbiran kontrak, pengurusan aplikasi dan peralatan hasil serta pemantauan.

So, dari segi aspek perancangan pelaksana dan pemantauan kita ambil pada tempoh 2015 hingga 2018. Namun begitu, dari segi perancangan kita tengok juga dokumen-dokumen yang berlaku semenjak tahun 2006. Selain itu, kita juga adakan— *next slide*. Kita adakan lawatan fizikal lah. Kita tengok sendiri di Kompleks KIK Bangunan Sultan Iskandar dan juga di Sultan Abu Bakar ini. Kita juga pergi membuat lawatan fizikal di kaunter sementara yang kerajaan arahkan kepada kontraktor untuk membuat pemasangan RFID kepada pengguna. So, Jabatan Audit juga telah menjalankan analisa terhadap hampir 8.9 juta transaksi kenderaan yang memasuki negara kita.

Slaid 14. *[Merujuk kepada slaid]* Di samping itu, kita juga ada pendekatan kepada Kementerian dan Audit yang diselia oleh pihak unit audit dalam Kementerian sendirilah. Okey, *next slide*. Saya rasa ini okey. *Next slide*.

Okey, saya pergi ke slaid berikutnya iaitu slaid 16. Ini adalah rumusan penemuan kitalah. Pertama, adalah pengurusan perolehan iaitu perancangan awal. Berdasarkan surat Kementerian kepada Kementerian Kewangan bertarikh 24 Jun 2015, anggaran kos projek ketika itu yang dikemukakan oleh kontraktor adalah berjumlah RM62.42 juta iaitu CAPEX berjumlah RM40.6 juta dan OPEX berjumlah RM21.74 juta. Namun begitu, semakan audit mendapati tiada bukti menunjukkan sebarang kertas cadangan atau justifikasi terperinci berkaitan dengan jumlah kos analisa pasaran perihal kewangan, ekonomi, sosial dan lain-lain perkara bagi menyokong cadangan pelaksanaan projek tersebut. MOT hanya mengemukakan kos tersebut berdasarkan anggaran oleh kontraktor sahaja.

Okey, *next slide*. Kemudiannya, pada 2 September 2015, Jemaah Menteri bersetuju supaya Kementerian Kewangan dan juga EPU meluluskan peruntukan sejumlah RM75.56 juta untuk enam tahun iaitu CAPEX berjumlah RM40.68 juta dan OPEX berjumlah RM34.88 juta. Namun begitu pada 28 Oktober 2016, Jemaah Menteri telah meluluskan kos baru OPEX yang dicadangkan oleh kontraktor berjumlah RM104.3 juta iaitu peningkatan hampir 199 peratus berbanding kos OPEX yang dinyatakan pada 2 September 2015.

Okey, *next*. Dari segi aspek pelantikan kontraktor utama. Pada awalnya, mesyuarat Jemaah Menteri pada 27 Mac 2015 telah memutuskan bahawa perolehan projek ini dibuat secara tender terbuka selaras dengan keputusan Kementerian Kewangan pada 18 Disember 2014. Namun, kemudiannya pada 10 Jun 2015 Yang Berhormat Menteri Pengangkutan telah memohon kelulusan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika itu untuk pelantikan secara rundingan terus atas sebab keperluan pelaksanaan segera bagi mematuhi tarikh pelaksanaan 1 Ogos 2015 yang ditetapkan oleh Jemaah Menteri.

Pada 27 Julai 2015, Kementerian Kewangan meluluskan perolehan secara rundingan terus. Namun, justifikasi pelantikan kontraktor yang dinyatakan adalah bertentangan dengan keputusan Jawatankuasa Teknikal dan Kewangan berkaitan keupayaan teknikal dan juga kemampuan kewangan. Laporan jawatankuasa yang diadakan pada 15 Oktober 2015 berpendapat kontraktor tiada pengalaman dalam bidang berkaitan dan ia baru ditubuhkan pada 9 Mac 2012.

Dari segi pelantikan pihak ketiga. Perenggan 42 kontrak OPEX menyatakan bahawa kontraktor tidak dibenarkan menyerahkan atau memindahkan kepada pihak ketiga kesemuanya atau mana-mana manfaat atau obligasi di bawah kontrak OPEX tanpa kebenaran bertulis

daripada kerajaan terlebih dahulu. Semakan mendapati SST OPEX adalah berjumlah RM104.3 juta dikeluarkan pada kontraktor pada 11 Januari 2017 dan kontrak OPEX ditandatangani pada 7 Mei 2018. Audit mendapati terdapat satu pengumuman oleh sebuah syarikat yang bernombor pendaftaran 10039-P dalam laman sesawang Bursa Malaysia pada 13 Januari 2017 iaitu dua hari selepas SST diterima daripada kerajaan. Kontraktor telah mengeluarkan satu *Letter of Award to Undertake Subcontract Works* (LOA) kepada pihak ketiga bagi tujuan pelaksanaan keseluruhan kerja OPEX di bawah projek Sistem RC dan VEP selama lima tahun.

Next, audit... [Disampuk]

Tuan Pengerusi: Siapa yang kawal? Dia kata tidak boleh *sub back* kepada pihak ketiga dan lepas itu *sub back... I think* saya yang kawal ini?

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Untuk SST tadi yang dikeluarkan pada 11 Januari itu, *by right in accordance with the requirement of* 1PP yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan, syarat ini sepatutnya ada pada SST tersebut. Akan tetapi, masa tersebut tidak dimasukkan dalam SST dan disebabkan kontrak itu *disign* kemudian *how many months later, three or four months later in May* itu barulah *requirement for* syarat itu dimasukkan.

■0930

Manakala pihak kontraktor yang telah dilantik ini, *within two days after receiving the SST* telah *signed to subcon* the kerjalah. Jadi ini ada isu mungkin dari segi *legal* nantilah ya. *Whether it should be... [Disampuk]* Ya, di peringkat MOT ya.

Tuan Pengerusi: MOT yang sepatutnya pantau?

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: Ya, *that is right, with* rujukan dengan PUU di peringkat kementerian ya.

Tuan Wong Chen [Subang]: *One question* ya. Nama-nama semua pihak ini akan didedahkan nanti, *like the third-party contractor. You will give us the names and all these right?*

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: *Yes, yes, we have the names but for the purpose of reporting, we are not revealing the names but we will furnish you all the names of the contractor, yes.*

Tuan Wong Chen: Okey.

Encik Saiful Anuar bin Zakaria: Okey, saya sambung. *Slide 20* ya. *[Merujuk pada slaid pembentangan]* So, pihak Audit mendapati kontraktor tidak membuat sebarang deklarasi...

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Sebelum itu Tuan Pengerusi, Parit Sulong. Saya cuma hendak tanya *because it says right here. It says that, SST OPEX* itu dikeluarkan *on the January 11 and the contract was signed on the May 7 year 2018. So, it takes more than a*

year for it to be signed. Any reason for that? I mean have you – kenapa? Ada tidak finding kepada it took so long for that process to be done.

Encik Saiful Anuar bin Zakaria: Okey, sebenarnya kalau kita tengok projek ini dia ada dua kontrak iaitu kontrak CAPEX dan kontrak OPEX. Semasa peringkat awal sebenarnya berlaku perbincangan berkenaan ada yang menyatakan bahawa untuk menyatukan kontrak, tidak boleh dipisahkan. Akan tetapi, ada keputusan kementerian untuk memisahkan kontrak. Bagaimanapun boleh dikatakan ia mendapat teguran daripada peringkat AGC. Menyebabkan untuk tandatangan kontrak OPEX ini mengambil masa selama 18 bulan untuk dia hendak *finalised*-lah sebab itu antara punca-punca utama kenapa kontrak OPEX ini dia *delayed* sebegitu lama...

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Encik Saiful...

Encik Saiful Anuar bin Zakaria: Ya.

Tuan Wong Kah Woh: *I think there was what – the maklum balas daripada MOT. So, apa pandangan audit terdapat situasi sebegini, 18 months untuk tandatangi kontrak itu?*

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: *I think the normal practice Yang Berhormat, is the signing of contract should takes place within four months, you know. After the issuance of the SST. That is normal but I think this is an area that we should pursue with the MOT, the reason why there were such a long delay and you know, to justify them 18 months to sign the contract and resulting in the – what we called the main contractor. Making used of the SST in the absence of that particular requirement, to appoint third party to do the maintenance. Thank you.*

Tuan Wong Kah Woh: *It's an assignment of the whole contract, right?*

Encik Saiful Anuar bin Zakaria: Ini adalah kontrak OPEX untuk *maintenance*, penyelenggaraan. Yang tadi itu CAPEX untuk pembangunan, okey? Okey, kalau kita tengok slaid 20 ini kita dapati bahawa semakan audit mendapati bahawa larangan pemindahan atau penyerahan obligasi ada dinyatakan dalam kontrak OPEX. Namun kontrak ini hanya ditandatangani pada 7 Mei iaitu 16 bulan daripada tarikh SST. Bermakna berlaku perbezaan tempoh masa. Dalam SST tidak dinyatakan bahawa larangan ini – so, dua hari selepas SST berlaku pemindahan kepada pihak ketiga. Akan tetapi kontrak ada nyatakan tetapi lewat pula iaitu 16 bulan selepas SST. Okey, kita pergi...

Tuan Pengerusi: Maklum balas daripada mana?

Encik Saiful Anuar bin Zakaria: Ada.

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: Setakat ini Tuan Pengerusi, *we had Jawatankuasa Tindakan LKAN last month ya. On the – berapa hari bulan? Pada 7 atau 8. So, we had the Jawatankuasa Tindakan LKAN. KSU and the team were called up and we had deliberation on this issue. I think we have no additional information on this case ya.*

Encik Saiful Anuar bin Zakaria: Hendak tambahan kepada soalan tadi. Sebenarnya ini adalah maklum balas kementerian dalam yang kita laporkan dalam LKAN pada muka surat 260 mengenai larangan subkontrak. MOT telah mengeluarkan surat makluman berkaitan pelanggaran klausa OPEX kepada pihak kontraktor bertarikh 22 Oktober 2018. Selain itu, KSU kementerian juga telah mengarahkan semua bayaran berkaitan projek sistem RC dan VEP ditahan sementara sehingga isu-isu berbangkit diselesaikan.

Saya juga ingin menambah Yang Berhormat, berkaitan soalan tadi berkaitan dengan masalah kelewatan. Berdasarkan maklum balas Bahagian Darat kepada pihak Audit pada 12 Jun 2018, kelewatan menandatangani kontrak CAPEX adalah disebabkan oleh rundingan yang tidak mendapat persetujuan kedua-dua belah pihak daripada segi jadual pembayaran dan juga *deliverables project*. Kelewatan kontrak OPEX pula adalah kerana terdapat beberapa perkara polisi seperti tarikh mula kontrak dan juga syarat tempoh lanjutan kontrak yang tidak dapat dipersetujui antara kedua-dua pihak. Antara pihak syarikat dan juga pihak kerajaan.

Kementerian Kewangan melalui tarikh surat bertarikh 27 Mac 2018 telah memberi kelulusan lanjutan tempoh tandatangan kontrak sehingga 27 April 2018. Namun, kontrak hanya dapat ditandatangani pada 7 Mei 2018 sehingga mendapat persetujuan bersama berkenaan perkara ini. So, dia ada *argument* kedua-dua pihak yang *keep* tangguh-tangguhlah. So, okey...

Tuan Wong Kah Woh: Encik Saiful...

Encik Saiful Anuar bin Zakaria: Ya?

Tuan Wong Kah Woh: Maksudnya dalam perkara ini, untuk kedua-dua CAPEX dan OPEX, *the signing of the agreement* pun kedua-dua ada *delay*, itu nombor satu. Akan tetapi, apakah pandangan audit dalam – okey, kelewatan *is one matter*. So, untuk perjanjian CAPEX, nampaknya setelah mendapat SST kerja, pelaksanaan sudah dimulakan tanpa satu perjanjian CAPEX di-*formalised*-kan. So, *what is your findings on that? Before the agreement is signed, the work is already been going on.*

Encik Saiful Anuar bin Zakaria: Okey, sebab seperti mana Yang Berusaha Timbalan Ketua Audit maklum tadi memang dalam amalan kerajaan kita membenarkan empat bulan daripada tarikh SST untuk kedua-dua belah pihak ini memuktamadkan kontrak dan ditandatangani. Memang kita ada tempoh yang munasabahlah iaitu empat bulan. Itu memang kita benarkan dalam amalan kerajaanlah. Cuma untuk *certain cases, this case* dia agak terlalu lewat dan untuk kontrak OPEX ini memang kementerian dia cuba untuk meyakinkan kedua-dua pihak untuk *sign* dan juga maklum kepada Kementerian Kewangan kenapa berlaku kelewatan agak ketara dalam projek ini.

Dato' Dr. Noraini Ahmad: Minta maaf Tuan Pengerusi. *So, it's means that kewangan is in the know mengenai the whole process, the delay and they did not come out with conclusion on the date to be signed and the terms and everything.* Maknanya kewangan *is in the know*-lah mengenai perkara itu. Akan tetapi, saya sendiri melihat, *I mean I do not know*, apa pandangan pihak Audit? Adakah Audit juga ada mendapat maklum balas daripada kewangan mengenai perkara ini *because the delay is too long and you rightly mentioned that the normal practice is only for four months but it has go on and go on.* Lepas itu pula kita nampak dia ada pula *the signing with the third party after that.* So, itu yang saya hendak minta penjelasan mengenai perkara ini.

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: Yang Berhormat, untuk menjawab soalan ini, *for your information*, perkara ini di-*identify as a punitive issue on the* Laporan Ketua Audit Negara dan bila telah di *categorised under punitive, that is why we have the Jawatankuasa Tindakan LKAN chaired by the Auditor General and the KSU have been called up for explanation.* *Decision* di peringkat Jawatankuasa LKAN mengenai isu ini adalah supaya pihak JPA membentuk satu jawatankuasa siasatan dalaman di peringkat MOT.

■0940

Those comprising of members are not from MOT you know, from the other ministries, to look further into this matter and it will be reported to us, and then tindakan sewajarnya akan diambil oleh pihak-pihak yang tertentulah kalau melibatkan tindakan tatatertib, JPA akan ambikkan dan kalau melibatkan ada jenayah pihak polis ataupun SPRM akan pursue-lah. That will be the next cause of action-lah. Thank you.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Tuan Pengerusi, boleh saya tanya?

Tuan Pengerusi: Ya,

Puan Wong Shu Qi: Okey. Saya cuma hendak tahu sama ada ini biasa selepas kelewatan yang lama ini tetapi kontrak akhirnya ditandatangani semasa PRU diadakan dan dua hari sebelum hari undi, sama ada ini biasa.

Tuan Haji Khalid Khad bin Abdullah Khan: Untuk menjawab itu Yang Berhormat *I think it is difficult for us to, you know, really say that is the pattern because we are just looking at one particular ministry on one specific contract. So, I think you know, leave to your imagination.* [Ketawa].

Tuan Wong Chen: *Speaker not Speaker, Chairman sorry, [Ketawa]* Boleh jadi *Speaker* selepas ini. *But I think the issue about delay* sebenarnya saya tidak ternampak pun *what benefit it does for the main contractor. As a main contractor, you will need to sign as soon as possible, right. So the 16, 18 months delay, I don't see the point lah surely, quite seriously other than the*

fact that those before the election they want to sign to enable the main contractor to sue the government after that to legalise.

So, I think this is the internal issue regarding MOT you know, kegagalan MOT not to sign on time. Let's go back to the issue about the contract itself. The substantive allegations about you know, impropriety inside the contract rather than worried too much about these 16 months thing because I don't see how that is decremental to the main complaint. It was actually decremental to main contractor in my opinion because the main contractor however they got this contract once said legalised as soon as possible. So, it can raise money from the bank, so they have a right to sue the government if something goes wrong. Isn't that really the position what do you think, the Audit team?

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: *Looking at it from a different perspective Tuan Pengerusi dan juga ahli yang lain. Disebabkan delay menandatangani contract iaitu it takes more than four months, you know what had been– the SST is quite you know generic kind of requirement and in this case they even left out certain requirement under Pekeliling which should be part of the SST. With the delay of signing of the contract, maknanya kontrak itu akan disesuaikan mengikut– overtime they might be certain things occurring along the way nanti you akan nampak akan menyebabkan kontrak akhir itu berbeza dengan SST lah. In this case we are trying to highlight the requirement not to appoint party to do on behalf of the main contractor which was left out under SST but in the final contract the clause is there, you see.*

Tuan Wong Chen: *So you mean they took the period of 16 months ini untuk buat variation?*

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: *Ya.*

Tuan Wong Chen: *That's what your finding that you will reveal later. So, many variations of things or terms.*

Tuan Haji Khalid Khad bin Abdullah Khan: *And also in terms of internally MOT's level in terms of payment, you know. When it comes to payment without the contract after exceeding the four months period, it should raise some concern to the internal officers but this was never the case. So, we suspect there was some element of negligence then also could be you know something else is happening, we do not know. We leave it to the Jawatankuasa Siasatan to do the detail investigation. Thank you.*

Encik Saiful Anuar bin Zakaria: *Okey saya sambung. Kita ke slide 21, okey dari aspek prestasi fizikal skop sistem RC ini telah berjaya mencapai objektifnya iaitu untuk mengutip caj jalan seperti yang ditetapkan. Manakala skop sistem VEP masih tidak berjaya mencapai objektif kerana ia masih di peringkat Provisional Acceptance Test (PAT) ketika itulah. Walaupun tiga*

lanjutan masa telah dikeluarkan dengan tarikh siap baru bahawa pada 14 September 2017 sehingga tarikh pengauditan, hanya tujuh modul telah siap berbanding 23 modul secara keseluruhannya.

Selain itu daripada 1,864 unit peralatan hanya 1,578 atau hampir 85 peratus berjaya dipasang manakala sebanyak 286 unit peralatan bernilai hampir RM4.07 juta masih tidak dipasang melibatkan laluan kenderaan persendirian, laluan motosikal, laluan bas, laluan lori dan juga laluan *U-Turn* yang kesemuanya masih disimpan di stor.

Perkara ini telah memberi kesan kepada tahap aktiviti penguatkuasaan yang tidak dapat dijalankan bagi memantau pergerakan keluar masuk kenderaan asing ke dalam negara serta mengenal pasti kenderaan yang mempunyai kesalahan.

Berdasarkan maklum balas dari kementerian yang terkini, setakat 28 Disember 2018 daripada 286 unit peralatan yang tidak dipasang, 32 unit telah diambil tindakan pemasangan. Sehingga bulan Februari 2019, projek RC dan VEP ini serta keseluruhan belum diserahkan kepada kerajaan dan masih di peringkat penilaian *Final Acceptance Test (FAT)*.

Pihak Audit dimaklumkan FAT ini telah dilaksanakan pada 31 Disember 2018 sehingga 31 Januari 2019 dan telah dibentangkan kepada Jawatankuasa Teknikal pada 13 Februari 2019. Bagaimanapun, terdapat penambahbaikan yang perlu dibuat oleh kontraktor. Jawatankuasa Teknikal telah mengesyorkan supaya lanjutan 30 hari untuk dibawa kepada Jawatankuasa Pemandu untuk dibincangkan.

Slide 25, dari segi pencapaian output yang pertama output daripada sistem ini adalah untuk mengutip caj jalan. Kutipan RC yang dikutip bagi bulan November sejak bermula bulan November 2016 hingga bulan Jun 2018 adalah berjumlah RM177.18 juta berbanding unjuran yang berjumlah RM242.8 juta dengan perbezaan sejumlah RM65.62 juta. Namun begitu, maklumat terkini yang kita dapat setakat 10 Februari 2019 kerajaan telah berjaya mengutip sejumlah RM244.92 juta kutipan RC. Butiran ialah seperti Jadual. Ini adalah Jadual seperti yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara.

Pencapaian output yang kedua adalah untuk mendaftarkan kenderaan. Konsep pendaftaran VEP ini dilaksanakan secara atas talian di capaian *website* JPJ atau secara manual dengan hadir ke kaunter yang disediakan. Berdasarkan portal VEP sehingga bulan Julai 2018 sebanyak 204,181 pengguna telah mendaftar secara atas talian. Sebanyak 2,390 pengguna telah dipilih oleh kontraktor.

Berdasarkan rekod kemasukan bagi kekerapan tertinggi untuk pemasangan tag RFID secara percuma di bawah Program PAT, bagaimanapun hanya 124 pengguna sahaja yang hadir dan dipasang RFID berbanding sasaran iaitu 400 pengguna. Namun begitu, maklumat terkini

yang kita dapati sehingga bulan Februari 2019 sebanyak 1,109 tag RFID telah berjaya dipasang pada kenderaan.

Ini adalah output ketiga daripada projek ini iaitu untuk menguatkuasakan undang-undang. Antara lain objektif sistem RC dan VEP ini adalah menguatkuasakan saman trafik tertunggak JPJ dan PDRM di pintu keluar sempadan.

Berdasarkan rekod saman JPJ dan PDRM sehingga bulan Julai 2018 sebanyak 6,116 dan 80,231 saman telah dikeluarkan pada kenderaan Singapura. Daripada jumlah tersebut sebanyak 15,822 atau hampir 18.32 peratus peratus saman telah diselesaikan. Namun 70,333 saman masih belum diselesaikan dan hampir 192 tiada maklumat. Analisis audit terhadap 8.86 juta transaksi RC mendapati sebanyak 1.54 juta transaksi melibatkan 38,929 kenderaan mempunyai rekod saman belum selesai dan 20,139 transaksi melibatkan 436 kenderaan yang mempunyai rekod waran yang masih bebas keluar masuk pintu masuk sempadan negara kita.

Output yang keempat adalah untuk mencegah penyeludupan. Berdasarkan Butiran 13 Bahagian 1 Jadual Perintah Duti Kastam 2017, kenderaan asing yang tinggal melebihi tiga bulan di Malaysia akan dikenakan Duti Kastam. Selain itu berdasarkan maklum balas JPJ pada 28 September 2018, sebanyak 3,272 kenderaan klon telah disita oleh JPJ setakat bulan Julai 2018. Namun begitu memandangkan sistem VEP ini belum siap sepenuhnya penguatkuasaan terhadap kenderaan yang berada di Malaysia melebihi tempoh masih tidak dapat dilaksanakan.

■0950

Dari segi pencapaian *outcome*, berdasarkan SPPII, *outcome* projek sistem ini adalah seperti berikut iaitu untuk meningkatkan hasil negara dan mengawal selia kemasukan kenderaan asing.

Semakan Audit mendapati tiada sebarang pengukuran *outcome* dilaksanakan oleh pihak Kementerian memandangkan projek ini belum lagi siap. Selain itu, pasukan audit juga mendapati tiada sebarang bukti menunjukkan sebarang penetapan KPI oleh Kementerian atau pun pihak JPJ.

Okay, next. Dari segi prestasi kewangan, berdasarkan kontrak, kos projek sistem ini adalah berjumlah RM149.45 juta termasuk GST yang meliputi kontrak CAPEX berjumlah RM45.15 juta dan kontrak OPEX berjumlah RM104.30 juta. Semakan audit mendapati setakat bulan September 2018, sebanyak RM40.05 juta telah dibelanjakan untuk kedua-dua kontrak tersebut.

Dari segi pentadbiran kontrak. Semakan juga mendapati terdapat beberapa kelemahan dari segi pentadbiran kontrak. Pertama, berlaku kelewatan selama 194 hari dalam menandatangani kontrak CAPEX dan lewat 361 hari bagi kontrak OPEX. Selain itu, terdapat juga

kelewatan dalam permohonan dan meluluskan EOT. Butiran terperinci EOT adalah seperti di jadual. [Merujuk pada slaid pembentangan]

Kalau kita tengok antara justifikasi EOT yang pertama, pasukan projek lewat diwujudkan iaitu pada 20 Februari 2016 yang menyebabkan kelewatan pelaksanaan *User Requirement Specification* dan *System Functional Specification*. Integrasi sistem dengan pihak ketiga iaitu polis, PLUS, *Touch 'n Go* dan kastam memerlukan masa. Masalah sistem perlu diselaraskan dengan projek *Multi Lane Free Flow* (MLFF) tetapi spesifikasi RFID masih belum dimuktamadkan oleh *Touch 'n Go*.

Untuk justifikasi EOT yang kedua, berlaku kelewatan *Operational Readiness Test* (ORT) di BSI dan berlaku kekerapan perubahan spesifikasi tag RFID dan *reader*. Ketiga ialah keperluan tag RFID untuk perlu mematuhi spesifikasi *Touch 'n Go* untuk *Multi Lane Free Flow* dan akibat daripada integrasi sistem VEP dengan sistem mySIKAP. Okey, itu adalah antara justifikasi yang diluluskan pada pihak kontraktor.

Selain itu, dari segi kelemahan pentadbiran kontrak yang ketiga juga berlaku pertindihan skop kerja antara *Corrective Maintenance Summary Report* (CMSR) dengan *Service Level Agreement Report* (SLA) di mana jumlah kos SLA adalah RM1.59 juta dan CMSR adalah berjumlah RM20.82 juta. Kos penyelenggaraan iaitu *24.5 percent* daripada kos CAPEX tidak selaras dengan keputusan Mesyuarat Penilaian Semula Teknikal dan Kewangan OPEX RC dan VEP yang bermesyuarat pada 19 Mei 2016 yang menetapkan 17 peratus setahun. Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh SUB Pengurusan Maklumat kementerian yang terdiri daripada wakil JPJ, kementerian dan juga pihak MAMPU.

Okey, isu berikut berkenaan dengan pentadbiran kontrak juga. Kita dapati juga terdapat 82 unit *intercom* dibekalkan pada harga RM2,450 seunit. Manakala pembekalan 17 unit lain pada harga RM2,310 seunit yang menunjukkan perbezaan RM140 seunit. Selain itu, kita juga mendapati wujud perkara yang tidak jelas berkaitan keperluan pembaharuan lesen perisian yang melibatkan kos berjumlah RM7.82 juta.

Tuan Wong Kah Woh: *Okay, sorry* Encik Saiful. Kita balik kepada slaid 34. Izinkan saya untuk mendapat pencerahan. Sememangnya saya sudah membaca laporan dalam laporan audit dan saya memang tidak faham bagaimana terdapat pertindihan skop antara CMSR dan SLA ini. Ini kerana *it is only stated as a fact but I don't think there is any elaboration there. So*, bagaimana pertindihan itu berlaku? *So, what are the job scope of these two?*

Encik Saiful Anuar bin Zakaria: Okey. Sebenarnya CMSR dan SLA ini adalah merupakan satu output laporan daripada sistem. Semakan kita apabila kita membandingkan kedua-dua laporan ini ia hanya mempamerkan maklumat yang hampir sama. *So*, bermakna ia

adalah satu skop yang bertindih. Maksudnya laporan SLA yang diperlukan dan kita *compare* item-item dalam laporan tersebut adalah sama antara satu sama lain. Sedangkan kerajaan membayar kedua-dua skop ini dalam jumlah yang berbeza.

Saya pergi ke slaid 36. [Merujuk pada slaid pembentangan] Okey, antara lain isu-isu pentadbiran kontrak juga. Kita juga dapati berdasarkan *Supplemental Agreement CAPEX* bertarikh 9 Mei 2017, terdapat tiga peringkat jadual bayaran. Setakat bulan September 2018, sejumlah RM36.12 juta telah dijelaskan kepada kontraktor di bawah kontrak CAPEX di mana bayaran 40 peratus kedua telah dibayar melalui baucar bayaran B2107 pada 20 Jun 2017. Namun begitu, pasukan audit tidak menjumpai sebarang bukti yang menunjukkan bahawa *Final Acceptance Test* untuk VEP ini telah dilaksanakan sebelum bayaran diluluskan.

Okey, isu berikutnya tentang pentadbiran kontrak lagi. Semakan lanjut juga mendapati berlaku pembayaran tuntutan perkhidmatan sokongan teknikal untuk 80 orang kakitangan yang berjumlah RM1.17 juta iaitu sejumlah RM389,018 kali tiga bulan iaitu untuk tuntutan bulan Januari, Februari dan Mac 2017 sedangkan kakitangan sebenar yang bertugas hanya 40 hingga 41 orang sahaja.

Untuk topik berikutnya iaitu berkenaan dengan pengurusan projek. Pengurusan aplikasi, analisis audit mendapati sistem masih tidak dapat mengenal pasti nombor pendaftaran kenderaan dengan tepat untuk 6,104 transaksi dan terdapat sebanyak 885 kes kesilapan mengenal pasti kenderaan asing sebagai kenderaan tempatan yang melibatkan caj jalan berjumlah RM17,100 tidak dikenakan. Selain itu, dari segi aspek pengurusan hasil, kita dapati bahawa terdapat kutipan caj jalan yang berjumlah RM10.01 juta lewat dimasukkan ke bank antara satu hingga 91 hari bagi tempoh bulan November 2016 hingga Mac 2018 dan tiada penalti dikenakan bagi kelewatan yang melebihi 60 hari.

Okey, ini adalah syor-syor audit yang kita laporkan, yang kita bentangkan dalam Laporan Ketua Audit Negara. Pertama, kementerian atau JPJ hendaklah menetapkan satu indikator untuk penilaian *outcome* bagi projek sistem RC dan VEP supaya penilaian pencapaian objektif projek dapat ditentukan dengan jelas. Selain itu, kementerian dan JPJ juga hendaklah meningkatkan tahap pemantauan yang lebih rapi terhadap kerja-kerja kontraktor serta keperluan penyelarasan dengan agensi yang berkaitan supaya projek sistem RC dan VEP ini dapat disiapkan sebelum 31 Disember 2018.

Kementerian dan JPJ juga hendaklah menjalankan siasatan berkaitan pembayaran kedua berjumlah RM18.06 juta di bawah kontrak CAPEX yang tidak menepati syarat kontrak dan kelulusan bayaran terhadap kontraktor tanpa dokumen sokongan yang lengkap. Selain itu, MOT

dan JPJ juga hendaklah menjalankan siasatan dan mengambil tindakan tegas berkaitan tindakan kontraktor yang menyerah hak kerja kepada pihak ketiga tanpa kelulusan kerajaan.

Selain itu, Kementerian dan JPJ juga hendaklah mengkaji semula klausa kontrak yang tidak jelas berkaitan penyenggaraan dan skop kerja yang bertindih serta keperluan pembaharuan lesen supaya kepentingan kerajaan terjamin. Selain itu, Kementerian dan JPJ juga hendaklah mengenal pasti ketidakcekapan sistem dan mengambil tindakan segera supaya tidak menjejaskan kutipan hasil kerajaan serta tahap kecekapan pengesanan kenderaan yang mempunyai rekod kesalahan.

Kementerian dan JPJ juga hendaklah mendapatkan pandangan perundangan yang jelas sebelum memuktamadkan pelantikan ejen pemungut bagi kutipan bayaran VEP dan Kementerian dan JPJ juga hendaklah memastikan jawatankuasa yang ditubuhkan dianggotai oleh pegawai yang berkemahiran supaya projek dapat dilaksanakan dengan sempurna. Saya rasa itu sahaja pembentangan daripada saya.

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: Tuan Pengerusi, saya rasa daripada apa yang telah kita bantangkan, beberapa bidang yang perlu diambil berat iaitu *significant issue*. Selain daripada itu, selepas melaporkan isu-isu tersebut jelas bahawa di peringkat MOT ini dari segi perancangan projek ICT mengikut peraturan kerajaan, projek-projek ICT selepas di peringkat Kementerian *come out with the – melalui user requirements, they will come out with the conceptual model of the project, what should be the –* modul-modul yang terlibat, ini akan dibentangkan di Jawatankuasa JITIK yang dipengerusikan oleh KP MAMPU.

That is the normal procedure but in this particular case, they have – you know, I don't know whether they have some waiver ataupun tidak melalui proses tersebut dan jelas bahawa projek ini adalah *vendor driven* dan menyebabkan pemantauan dari segi projek itu, *you say three extension of time* dan sebagainya. *After thought, I mean on OPEX* punya aspek tadi, di mana *from increase by 199 percent* dan diluluskan pula itu menunjukkan bahawa *it is not going through the normal procedure of all these jawatankuasa*.

■1000

Normally in agency required by MAMPU, they should be – yes, they have Jawatankuasa PEMANDU headed by the KSU and then Jawatankuasa Teknikal plus the user punya Jawatankuasa.

These are the important community within the ministry which will decide on what will be the scope of the project which was not clearly define from the start. Therefore, we thought that since the vendor-driven plus issue of the contract – the terms are not clearly spelled out. I think it was not mentioned by Encik Saiful but what happened they have some supplementary contract

contohnya untuk *delivery* – *earlier on I have informed you that the contract is for both RC and VC. There is no demarcation between these two systems.*

But along the way, when the urgency of RC to be delivered. The vendor come out with the system and it was handed over operationalised then. But, VEP was always pending. But the payment was made for both not complying to contract punya requirement.

Jadi kita merasakan *there are serious* kelemahan *management* di peringkat MOT itu wujud. Kita tidak tahu ada apa-apa perkara lain tapi setakat *auditor based on the document* kita nampak itulah. Jadi — juga dari segi sistem *itself, it was not mentioned but through our verification and visit to the places* itu kita nampak bahawa *system— even for RC. RC supposed to capture all info for collection of that road charges* tadi as a vehicle from Singapore masuk.

Akan tetapi, apa berlaku kita nampak masih timbul kelemahan dari segi — satu adalah *the capturing of the registration number of vehicle. You know, for instance, where they can't read. It must be done manually. So, all these open up to exploitation of systems. Once you go manual, thing which is supposed to be automated.* Jadi *what are the complementary control list card manual* itu. Mungkin masa kita *visit* itu *those are the number of cases but we will not know for a longer period of time they could be more.* Itu satu dari segi sistem dalaman pun ada *question mark.*

Last aspect mentioned by Encik Saiful tadi adalah pungutan adalah dilakukan — tidak *mentioned, dilakukan oleh pihak Touch 'n Go. Ia sudah delegation of power for Touch 'n Go* untuk buat *collection through the card.*

Jadi, *everyday actually they should transferred the money to our consolidated fund.* Tadi *obviously* sudah ditunjukkan banyak berlaku *delay* dan *by right* kalau benda ini, *the system is integrated with the Touch 'n Go system. They shouldn't be* berlaku sedemikianlah. Jadinya menjadi suatu yang serius disebabkan ada *time* yang *di-delay* dan *amount of money that are not being transferred.* Jadi banyak *question marks but for our audit this time we didn't go through that aspect but this is something very serious* dan mungkin juga perlu dinyatakan pada pihak MOT.

Tuan Wong Chen: *Mr. Chairman, boleh?*

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Wong Chen: Encik Khalid. *You are referring to the slide 38 is it regarding Touch 'n Go?*

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: Ya.

Tuan Wong Chen: *Yeah, because it's not clear who is supposed to bank in the money. We can see very clearly, simple mathematic RM10 juta ini lewat di masuk. You say we charge interest rate of four percent that is RM400 thousand. Three months is basically RM100 thousand.*

So, *Touch 'n Go* by delaying payment has made themselves theoretically RM100 thousand from the whole process.

But these period there's RM10 million delay ini is for period of two years roughly, 2016 to one half year. November 2016 to March 2018. This is the entire programme or is it just a test on particular part only. This is the for the RC only is it?

Encik Saiful Anuar bin Zakaria: Ya, ini adalah untuk RC. Macam saya *mentioned* tadi. Sebenarnya saya sudah maklum di slaid nombor tiga. Sebenarnya syarikat *Touch 'n Go* ini telah dilantik sebagai ejen pemungut bagi kutipan RC di sempadan Malaysia-Singapura pada 27 Oktober 2016 oleh Menteri Pengangkutan Malaysia selaras dengan kuasa di bawah seksyen 88D Akta Pengangkutan Jalan. Kerajaan juga telah menandatangani satu perjanjian dengan *Touch 'n Go* ini pada bulan November 2016 untuk tempoh 1 November 2016 sehingga 30 April 2022.

So, untuk isu *slide* 38 ini ia memang merujuk — sepatutnya *Touch 'n Go* ini bila ia mengutip bagi pihak kerajaan untuk kutipan RC hari ini, dia ada 3+1, *so the next following day they* kena *transmit* to kerajaan untuk *consolidated fund*.

So, untuk tempoh kutipan *since 2016* ia buka — kita *start* hari itu, kita dapati terdapat beberapa *batch*. Jumlah dia adalah hampir RM10.01 juta ini dah lewat. Memang terdapat dalam klausa kerajaan sepatutnya dikenakan penalti untuk tempoh yang melebihi 60 hari. Bagaimanapun, ketika itu kerajaan tidak dikenakan sebarang penalti kepada *Touch 'n Go*.

Tuan Wong Chen: *Okay, thank you. That's way Chairman, can I ask the PAC members to maybe just do a little bit more and investigate this issue on Touch 'n Go. I want to know who the shareholder of Touch 'n Go. I believe it's CIMB last time and now I think – probably. But I want the list of all the shareholders of Touch 'n Go and see whether this process is common in all the system.*

But maybe we can do a separate investigation but for these purposes or these particular hearing. I want to hear a little bit more about Touch 'n Go. Maybe Auditor General Office can help little bit about shareholders, about these candidates.

Adakah practice ini biasa because you know, interest money is – time is money, right. Every single cent is very important.

Puan Wong Shu Qi: Tuan Pengerusi, boleh?

Tuan Pengerusi: Ya.

Puan Wong Shu Qi: Okey, Encik Khalid kerana dalam laporan *Auditor General's* ada sebut bahawa Kabinet bersetuju pada 27 Mac 2015 iaitu ada — apa dokumen lain lagi yang tunjuk bahawa Kementerian Pengangkutan ataupun Jemaah Menteri pernah berbincang dengan sistem VEP ini sebelum tarikh tersebut. Ini kerana sebenarnya kalau tidak silap saya sistem VEP

ini perbincangan bermula pada hujung 2013, segera selepas pilihan raya umum ke-13. Segera ada perbincangan dan ada perbahasan *on the ground* dan panjang lebar sampai keputusan di buat pada tahun 2015 dan kenapa tadi Encik Khalid sebut bahawa ini adalah *vendor-driven*.

Ini kerana pada permulaannya betul-betul kerajaan yang buat cadangan untuk laksanakan VEP tetapi mungkin ada orang lain yang buat cadangan lain selepas itu kerana *road charge* adalah cadangan lain daripada VEP. Pada permulaan memang hendak laksanakan VEP, *road charge* adalah tambahan.

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: *No, when I say vendor-driven of course in term of policy decision by the government is the government punya inilahkan. They made the called that they should be road charges for private vehicle entering our country. That is the government's decision.*

And also, on VEP, the pemantauan dan juga untuk aspek pemantauan dan juga untuk mengesan penyeludupan masuk kereta haram di Malaysia. So, those are government punya ini – But I think after that decision then comes the proposal. That's why the Jawatankuasa Siasatan nanti will go into detail to check whether there had been engagement prior to that government decision on this matter or not but as far as we are concerned on paper that we had gone through – that's what we see, government made a decision then there was a proposal and then MOT seek waiver for open tender – those kinds of thing.

But we take note of what YB had mentioned and we will inform the Jawatankuasa Siasatan on this aspect to be looked into, thank you.

Tuan Wong Chen: Tuan Pengerusi, *can I just continue little bit.*

Tuan Pengerusi: *Ya a bit more.*

Tuan Wong Chen: Encik Khalid, *so you are saying that – have you look at who actually drafted the RFP for this project. Did you all investigate whether the main contractor was the one who drafted the request for proposal. I mean where they – it appears that this is a government policy.*

So, the government MOT team should be drafting the RFP themselves. Is the vendor-driven, that you described vendor-driven, – did they actually draft the RFP, did you look into this matter?

■1010

Encik Saiful Anuar bin Zakaria: *Memang kita tengok bahawa cadangan ini memang daripada pihak kontraktor kepada pihak kerajaan dan pihak kementerian mengemukakan cadangan ini kepada Kementerian Kewangan menggunakan cadangan yang sama. Oleh sebab itu dalam laporan kita tekankan bahawa kita tidak jumpa dekat mana *feasibility study* oleh pihak*

kementerian sebelum melaksanakan projek ini, semata-mata hanya menggunakan cadangan daripada pihak kontraktor sahaja.

Tuan Pengerusi: Dalam siasatan audit, sejauh mana keterlibatan Menteri-menteri? Apa peranan Menteri dalam – *the former Minister*?

Encik Saiful Anuar bin Zakaria: Saya rasa seperti yang saya maklumkan dalam laporan kitalah. Kita maklum bahawa Jemaah Menteri telah buat keputusan bahawa kontrak ini mesti kita buat secara tender terbuka. Maksudnya apa pun berlaku sebelum itu, ini adalah *starting point* kaedah perolehan. Jemaah Menteri telah bersetuju. Akan tetapi, kita dapati bahawa Yang Berhormat Menteri, dia maklum bahawa tender terbuka tetapi dia ada permohonan asing pada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dan mendapat persetujuan untuk buat *direct nego*. Daripada persetujuan inilah pihak kementerian dia *workout* secara *direct nego* mendapatkan keputusan daripada kewangan dan seterusnya.

Tuan Pengerusi: Okey, sepanjang siasatan...

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Tambah sedikit.

Tuan Pengerusi: Sekejap ya.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Baik.

Tuan Pengerusi: Soalan tambahan. Sepanjang siasatan audit, adakah perkara sedemikian itu berlaku dalam kerajaan? Jawatankuasa teknikal kata mesti *open tender* tetapi *along the way it becomes selected tender*. I mean sepanjang siasatan audit. Adakah itu berlaku di lain-lain kementerian?

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: Tuan Pengerusi, *based on our* audit benda itu memang berlakulah. Akan tetapi, mungkin tidak jelas di peringkat mana yang membuat keputusan. *Normally, it will be undertaken by the respective ministry. In this case,* kemungkinan *the central agency will be the MOF*, contohnya kan. Di mana, keputusan cadangan daripada kementerian pun ada *in certain cases* yang kita alami, *now we are doing the audit where* kementerian tidak setuju *on certain proposal by contractor*, contohnya kan. Akan tetapi, pihak MOF akan mencadangkan *another list of contractors*. Itu berlakulah.

Akan tetapi, saya tidak berani menyatakan penglibatan secara langsung *because we don't have that evidence but in this case, yes because* jawatankuasa teknikal di peringkat MOT, apabila mereka mungkin membuat *vetting profile of the contractor, did mentioned* bahawa *this contractor is not qualified in terms of technicality and also financial capacity* dia. *They did mention but the* permohonan *Minister* itu *requesting for waiver of open tender* dan juga *I think not to mention but waiver* itu ikut peraturan MAMPU itu. Ada Saiful ya? *They waived from that, you know. So,* itu menyebabkan masalah-masalah ini timbul. Okey.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Boleh saya tanya Tuan Pengerusi? Terima kasih. Memang lanjutan daripada jawapan. Kalau tengok slaid 18, alasan dibawa oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan ketika itu adalah rundingan terus untuk mematuhi tarikh pelaksanaan 1 Ogos. So, adalah ini maksudnya *justifiable excuse*? Kalau dalam macam – mungkin kadangkala kita lihat perlu segerakan projek untuk *some events* dan sebagainya. So, *I just want to know roughly, is that part of the SOP* ataupun memang permohonan yang diminta secara peribadilah oleh Menteri?

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: *From our past experience in auditing, we would except kalau justification based on deadline and the contractor must be qualified. You cannot just argue on deadline without ignoring the capacity and capability of the contractor, you see. So, if they fulfil that elements* disebabkan *deadline* dan telah memohon *waiver* dan sebagainya, kita terimalah. Terima kasih.

Tuan Wong Kah Woh: Okey, Encik Khalid. *I think for the benefits of this jawatankuasa, sekiranya pihak audit boleh memberikan kita dokumen, pada 10 Jun 2015 ada satu request daripada MOT kepada MOF untuk waiver. So, that letter itself from MOT, we want that and I read somewhere in the audit report that the approval was given actually on the 11 of June. Is there any written document from MOF in replying to that 10 of June letter?*

So, on 10 of June MOT membuat permohonan and the next day actually approved by MOF. The evidence of approval. In writing, so that we can see the actual reason given by MOT over the matter and of course I think on this matter it's good for audit if you all can furnish us the RFP, SST, even the contract and all the supplemental contracts. So, maybe in the next hearing. Thank you.

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: *Thank you Yang Berhormat dan juga Tuan Pengerusi. On this, I think what we can do for you, we will prepare chronology from start until the time when we did the audit, all those, you know the critical faces dalam tempoh tersebutlah. Decision plus the documents lah Yang Berhormat ya. We will give you copies of those documents to the PAC to go through. Alright? Thank you.*

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Boleh saya tambah sikit? Boleh saya minta tambahan. Kalau *you* bagi maklumat *chronological order* itu. Saya rasa saya mahu minta apa yang sudah dilakukan oleh jawatankuasa pelaksanaan atau dilakukan oleh Yang Berhormat Menteri MOT ketika itu tetapi pada pandangan oleh Ketua Audit Negara apa sepatutnya dibuat? Jadi, kita boleh melihat apa yang dilakukan oleh Menteri dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana keizinan dan apa yang sepatutnya dibuat. Jadi, kita tahu kesalahan, siapa yang melakukan kesalahan. Terima kasih.

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: *Okay, thank you Yang Berhormat. We will prepare a matrix for that ya. Alright. Thank you.*

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Kita tidak tahu sama ada pihak audit sekarang boleh dapat membuat penyiasatan sedikit kerana kita lihat kerja ini dibuat secara tergesa-gesa. Sama ada pihak kementerian benar-benar bersedia dalam menyediakan spesifikasi kerja. Ini kerana kita tengok mungkin sekarang kementerian pun bergantung pada kontraktor yang mencadangkan. Itu satu. Kalau perkara ini berlaku, ini kerana *they are at the mercy of the contractor*. Fasal, *they themselves does not really understand the actual* spesifikasi of the project. Itu yang pertama.

Kedua, sekarang kita tengok projek ini adalah satu projek yang cukup penting. Bukan sahaja untuk kenderaan asing yang datang, untuk jadi imej negara. Akan tetapi kerana kelewatan pemasangan semua *hardware* telah menyebabkan kita kerugian banyak *collection*. Itu sebenarnya sepatutnya dikenakan penalti kepada kontraktor. *Not only for failing to comply but also failing to actually* hendak pasang barang-barang itu tidak buat dan menyebabkan kita kehilangan hasil.

Tuan Wong Chen: *Chairman, can I just have one issue about policy. I am looking for the Auditor General's Office for some guideline. Many projects in Malaysia ini is vendor driven because the government may not have ideas about new things that they require. So, in the vendor driven environment where the vendor has good idea comes to the government and propose something. The government naturally will ask them to write the RFP or at least advise on the RFP. Right?*

Once we have seen and I used to be a corporate lawyer, so I got many clients who writes proposal to government. But, many of my clients, you know, they are looking for business and I understand that. As long as all kosher and also up front without corruption, I don't have any issue about the private sector trying to drive and improve government processes. But what I see is a lot of them produce the paper, working paper or whatever you want to called it, proposal paper, RFP and then somehow it goes to the government and someone hijacks the things and then goes to another company ABC.

What is the Auditor General position regarding private sector driven projects that goes in and then you know, loses out because the projects have disappeared and then resurface later under a different company's name, using the same paper and then no open tender but giving to another person? I think if it is driven by the private sector it goes in – my proposal-lah. If it goes in, the government considers it and they should ask the person who write the paper.

■1020

How much did it cost you to write the paper? Is it RM200,000? Is it RM1 million? Right? And then it goes into an open tender environment. Those who write the paper have an advantage but that is their benefit-lah sebab dia yang promote dahulu.

But if they lose the tender, for whatever reason, even though they are capable or not capable, not sure. They should be paid at least RM200,000 back for writing the paper, ya? What is the Auditor General position in this kind of instances? Is there a public policy position regarding ideas promoted by private sector, but the private sector kena hijacked, kena potong trip. Ini biasalah. [Ketawa]

What do you do about this kind of thing? Because we do want the private sector to innovate and help the government? But we don't want corruption. So, they propose– it must go through open tender. But what do you then about the people who wrote the paper but their punya projek kena hijacked? Is there a guideline? So that when we look at this kind of project– and I'm sure that there's a lot of these kind of projects, at least we know and we take direction– what is the policy consideration and what is fair and not fair.

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: *Thank you Yang Berhormat, very tough one. But as far as we know– setakat yang telah kita laksanakan pengauditan we have yet to see any policy on you know incentive ataupun payment– some form of payment given to private sector proposing for certain project which government, they encourage to undertake. But I believe this one should be an important aspect, in the overall procurement punya requirement-lah. I think you know, this one boleh di bawa– we are also member in a GIACC dan JKKMAR dan sebagainya. This matter, I think we can bring it up di peringkat itulah. Then, they can pursue to the respective central agencies to undertake through regulation dan sebagainya.*

But so far, I think, proposal from private sector normally it goes to certain– the pattern that we observed-lah, sorry ya. It goes to individual within the ministries and they would be the one trying to promote ataupun to push for the project and then how far it can succeed depends very much on their network connection and things like that. That what we can see-lah kan. Akan tetapi, itulah saya kata in this case pun sama– knowing that the government have make their decision on the road charges, keperluan pemantauan vehicle you know untuk mengesan vehicle yang di seludup masuk dan sebagainya. This vendor sudah memberikan proposal-lah but in this case to the minister or KSU ya. Then it was, you know, sebab itu berlaku proses-proses yang kita sebut tadi.

Itu yang berlaku, itu yang saya kata it's a vendor driven project. Based on one proposal, what is worse is it didn't undergo the screening of the JITIK under MAMPU tadi. Kalau proposal

itu diterima, atas alasan *urgency*, perlu dilaksanakan— penting dan melalui proses itu, *not too bad you know— at least they are screening in terms of costing, the scope of project* dan sebagainya, *clearly defined. But, in this case* tidak ada, *you see?*

Tuan Wong Chen: *Kejap, thank you. So, Encik Khalid please— please speak to Tan Sri or whoever is the new AG soon to push this very hard. Because I remember— I want to share a little bit-lah with all of you. When I was a corporate lawyer about 15 years ago, a listed company of one of my clients wrote a very extensive paper on the proposal to put— to unify all the telco towers into one, you know? Kalau you pergi North-South Highway, you naik tengok satu bukit empat-lima telco tower, right? We only got four, five telco players— big one. So, the idea is to put one tower, instead of four and they were manufacturers of tower. Ini bukan syarikat kecil ini, this is a listed company. Masuk projek— that project stolen by somebody in the Prime Minister's Department went out to somebody else and the irony is they sent me as a corporate lawyer to buy back the project they did the work. [Ketawa] You see.*

The guy who stole the project asked for RM15 million. Dia curi pencuri projek itu. This started the whole idea that the private sector must pegang kuat-kuat— dia pandai buat idea baik, tetapi kena pegang kuat menteri untuk get the cable through. And this started the whole process of corruption in the system.

So please the Auditor General go back to the MOF or PM's Department, they must be a clear rule. Good ideas that come through must be rewarded, ya. If they had a proper idea, dia kena propose betul-betul, and they spent half a million to engage EY or anybody to write this paper, they spent a lot of time and effort, tidak boleh kena hijacked. But they also cannot get negotiate tender. They must go through open tender. Kalau betul-betul you pandai buat, than you do it-lah.

But there must be a situation, say for instance, big IT company, IBM comes in and proposes a big project for government and they have to compete with Microsoft and all this kind of things. IBM spend one million to lobby and to do RFP for this, but when it comes to open tender, they are more expensive than Microsoft, give it to Microsoft. But you must pay IBM for the one-two million they spent on the RFP. Barulah fair to everybody. Kalau tidak we will get paralyzed with no new ideas from the private sector.

Can you please bring this up to, you know which ever authority because I think one of the root causes of corruption, corporate corruption and ministerial corruption in Malaysia is like what they described to you. Cerita itu cerita benar itu, 15 years ago. So, this kind of things have to stop and you know we all are committed to the new Malaysia to fight corruption. Okay, that's it, thank you.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *I think* kita balik kepada perkara pokok balikhlah untuk hari ini. Tadi Yang Berhormat Tuan Pengerusi cakap tadi, *this is supposed to be a vendor driven* kerana kita takut sekarang ada orang yang tidak bertanggungjawab mengambil peluang kerana perkara ini ditimbulkan oleh Kabinet. Sekarang kita hendak tanya sekarang, sama ada MoT *now been assisted by technical people with them? They don't have? They don't have technical people, do they? It is supposed to be a technical project.*

Encik Saiful Anuar bin Zakaria: Untuk maklumat Yang Berhormat dari segi *technicality*, sebab itu dari segi prosedur kerajaan sebagaimana Yang Berusaha Timbalan Ketua Audit sebut tadi kalau projek ini ICT, pihak *central agency* kita ada MAMPU, iaitu pihak yang berkemampuan *technically* untuk mengkaji dari segi *certain* projek-projek kerajaan ini. Supaya pihak kerajaan dengan jawatankuasa yang dibentuk ini dapat menapis ataupun dapat menambah baik cadangan-cadangan projek ini supaya pelaksanaan nanti dia cantiklah.

Akan tetapi, bagaimanapun untuk kes projek ini sebab pihak kementerian dia mohon pengecualian. Sebagai contoh ini projek IT– dia mohon dengan MAMPU untuk mengecualikan daripada melalui agensi-agensi ICT ini dan diluluskan. So, sudah hilang satu mekanisme tapisanlah. Selain itu dia juga dapat pengecualian untuk VM, hilang lagi satu tapisan sedangkan kedua-dua tapisan adalah untuk menambah baik sesebuah projek kerajaan.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: Boleh saya tambah sedikit, lanjutan daripada yang disebut oleh Yang Berhormat Jasin dan Yang Berhormat Subang, Tuan Pengerusi? Isunya di sini kalau dilihat di muka surat 17, *17th slide [Merujuk kepada dokumen]*– saya faham memang dikecualikan peranan MAMPU, tetapi menjelang 2 September 2015– *and I am assuming*–lah ketika itu syarikat tersebut tidak punyai satu *proposal* yang terperinci– persetujuan yang diberikan oleh Jemaah Menteri adalah supaya MOF dan EPU meluluskan peruntukan tersebut. Maksudnya EPU di sini memang tidak ada ruang untuk memberi penolakan atau maklum balas?

Dia adalah pihak pelaksana? *If you consider the existing practice then?* Jadi maksudnya kalau dicadangkan oleh pihak Audit ke depan, saya fikir, *I'm pretty sure* EPU ada ruang di mana mereka boleh mengatakan sebelum mereka bersetuju dengan kementerian, *they have their own due diligence process. Because* masa kita buat laporan untuk kes-kes lain, EPU nampak punyai kepakaran tertentu dalam memutuskan keberkesanan ataupun sebelum kelulusan diberikan. *But here I don't see them functioning*–lah as they should. So, some descriptions tentang cadangan bagaimana mereka boleh berfungsi semaksimum mungkin boleh membantu dalam proses ini.

■1030

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: Okey, tadi seperti disebutkan semua cadangan ini sepatutnya *in a first place go through the* Jawatankuasa IT dan Internet Kerajaan atau Jawatankuasa Teknikal dan Maklumat di peringkat MAMPU.

Tuan Pengerusi: Pengecualian itu *legal*, rasmi atau tidak pengecualian-pengecualian ini?

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: Ada formal dan ada kelulusan.

Encik Saiful Anuar bin Zakaria: *Waiver*.

Tuan Pengerusi: Ada kelulusan. Kelulusan daripada MAMPU, kelulusan daripada Kewangan?

Encik Saiful Anuar bin Zakaria: *No, they* mohon dengan Jemaah Menteri untuk pengecualian.

Tuan Pengerusi: *But then again*, Jemaah Menteri ada kuasa atau tidak? *I mean* pengalaman AG ini, ada kuasa atau tidak *because* kalau dia ada kuasa dia tidak ada isu.

Seorang Ahli: *But the...*

Tuan Pengerusi: Mungkin secara moral dia, secara teknikal kurang...

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: *This one for more lessons learnt* Tuan Pengerusi, kalau katakan *lessons learnt for future project, there shouldn't be such decision made at the highest level, not furnish by appropriate information yang relevan to the project. They have to go through all those.*

Tuan Pengerusi: Oleh sebab itu kita cuma hendak tentukan Menteri bahawa – perkara ini dapatkan pengecualian-pengecualian daripada Jemaah Menteri secara teratur, tahu. *That is how he did it*, buat begitu.

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: *The misinformation* pun perlu kita lihat. *Why did the Minister pursue for direct nego* macam itu *and not open tender even though* sudah di *advice* oleh Jawatankuasa Teknikal bahawa kontraktor itu tidak *capable in terms of technicality* dan juga kewangan. Itu menimbulkan tanda tanya lah ya.

Tuan Pengerusi: *He has a point. Good reason definitely. [Disampuk]* Okey.

Tuan Wong Chen: *Chairman, I totally agree with you*, kalau memang Jemaah Menteri itu ada kuasa, *the Cabinet has the power to waive this, it's legal. Right, as Tuan Haji Khalid says, it is immoral. So, the investigation shouldn't really go so much into those technical aspect but the investigation perhaps you can pass to our friends at MACC and see whether there was any kickback for Minister to behave in an irrational way, supporting a company that is not capable. [Disampuk]* *No, no, this is where you have to look at the bank account.*

Seorang Ahli: Syarikat mana...

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Seorang Ahli: MACC tidak ada di sini...

Tuan Wong Chen: *We have to see. I mean if this is a case where we make a recommendation after we of course we gave them the due process and listens to everything. If it is so blatant then we must make a recommendation to MACC to go a bit deeper, try to find the financial trail if any exist.*

Tuan Pengerusi: Ya, *definitely.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *Ada sebut tadi this particular contractor does not qualify technically and financially. Macam mana boleh dapat? Daripada mana you dapati bahawa...*

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: *He is not doing an IT business, only the third party yang they appoint to yang really on IT lah. So, at the time, bank account dia berapa balance?*

Encik Saiful Anuar bin Zakaria: RM36.54.

[Ahli berbincang sesama sendiri] [Ketawa]

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *Good point. You see, technically if you are not good you can always outsource, can always good call for a consultant but in this case, you mentioned technically and financially. How did you find that?*

Tuan Pengerusi: Sebab itu dia dapat...

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: *Technically because normally ada keperluan tadi under 1PP bahawa the contractor awarded dengan kerja ini sepatutnya tidak melantik another - to subcon the contract. So, itu requirement penting yang tidak dipatuhi tetapi disebabkan kecuaiannya di peringkat MOT mengeluarkan SST pada awal itu tidak memasukkan keperluan ini and the time taken to sign the contract is 18 months later. Jadi, semasa menandatangani kontrak itu keperluan ini dimasukkan. Jadi ada legal punya inilah – you hendak I go for itu pun...*

Tuan Pengerusi: Tuan Haji Khalid, *was it deliberately done?*

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: *Itu we leave – that is why we have highlighted...*

Tuan Pengerusi: *I mean daripada penemuan-penemuan Tuan Haji Khalid?*

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: Ya. Masa JTLKAN kita katakan kemungkinan di peringkat dalaman MOT ataupun – tidak tahu, *we leave it to the Jawatankuasa*

Siasatan tadi *to come out with the report*. Kita sudah nyatakan *these are the areas to be looked at*.

Dato' Dr. Noraini Ahmad: *Chairman*, saya hendak tanya, Parit Sulong.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *Subcon is a normal process, very normal. For all contracting job, subcon is normal because you see, I don't do everything, some of it I give to subcontractor but you see in this case, if you said technically they are not qualified you have got to justify in what way they are not qualify.*

Tuan Wong Chen: *And no money.*

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah: *That is quite difficult and no money.*

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: Tuan Pengerusi, kita tidak menyatakan demikian, *we are just quoting what the Jawatankuasa Teknikal di peringkat kementerian – that was minuted dalam minutes of meeting menyatakan sedemikian*. Kita hanya menyatakan, *they have those vetting process, I am sure they have gone through dan melihat capability profile syarikat ini and then they come out to that conclusion.*

Dato' Dr. Noraini Ahmad: Tuan Haji Khalid saya hendak tanya. Ini pada *slide number 17, yes, the Jemaah Menteri agree yang MOF and EPU meluluskan peruntukan. I mean yes that one is one but usually although it has been approved, the EPU still need to call them to do presentation. I mean, that – my question, adakah audit apabila membuat siasatan ini terjumpa ataupun bertanya dengan mereka mengenai the presentation, I mean the presentation done by the contractor, or the proposal? Ada tidak ianya dibuat ataupun tidak ada langsung, terus laksana sahaja kah, I mean I'm curious about this? Thank you.*

Encik Saiful Anuar bin Zakaria: Yang Berhormat, mungkin kita tengok *slide 16, okey*. Kalau kita tengok dekat situ yang pertama surat kementerian kepada MOF berkenaan dengan *this project berjumlah RM62 juta dan CAPEX dan OPEX, RM40 juta*. Apa yang penting adalah *the second bullet, "Siasatan audit mendapati tiada bukti yang menunjukkan sebarang kertas cadangan ataupun justifikasi terperinci berkaitan dengan jumlah kos, analisis pasaran, perihal kewangan, ekonomi, sosial dan lain-lain perkara bagi menyokong cadangan pelaksanaan projek tersebut. MOT hanya mengemukakan kos tersebut berdasarkan anggaran oleh kontraktor sahaja"*. So, kita tekankan dekat situ. Itu yang kita hendak *highlight*.

Tuan Wong Chen: *Chairman, I just want to point out. Looks like every RC that we collect, road charges went to the contractor. [Ketawa] Tidak dibayar, we got zero hasil to kerajaan by the looks of it...*

Tuan Wong Hon Wai: *Chairman.*

Tuan Pengerusi: Ada lagi, ada lagi?

Tuan Wong Hon Wai: Sedikit sahaja. Okey, tadi kita dengar tentang RFP, *direct award* dan juga *open tender*. Saya rasa MOF, Menteri Kewangan ada menyatakan bahawa pihak MOF sedang mendrafkan *government procurement act* yang baru. So, saya rasa pengalaman *Auditor General Officers, you have gone through so many auditing process. All the anomaly, all this thing, you have to compile and then provide the input to them because sama ada Jemaah Menteri ada kuasa untuk buat direct award despite all the – sama ada kementerian and all this thing, so we have to, Parlimen kena enact a law and take away the power from the executive.*

Tuan Steven Choong Shiau Yoon: Kena cadanglah hapuskan apa kuasa untuk buat rundingan terus.

Puan Nurul Izzah binti Anwar: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara] ...Enormity of your suggestion.*

Tuan Steven Choong Shiau Yoon: *No, rundingan teruslah.*

Tuan Wong Hon Wai: *No, I mean the what kind of – are you involving in giving the input?*

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan: Ya, Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat. Sebenarnya *we are involved in all these committee, all working group. Which is to enhance on procurement, governance and other things. Few days ago, we attended one meeting just for your information, on work contract being awarded to ministries. We have a technical department which is JKR in the conventional way I mean all projects must go through JKR but now there are a lot of works are being handed over to the ministries just because they have a small unit or have a unit of technical people there, engineers and whatnot.*

Now, we are realizing that a lot of these project are facing problem like what have been report on our last report on sekolah daif, you see. Between project handled by KPM dengan those directly handle by JKR, we see different in dia punya approach and delay are mainly from the one handled by KPM whereas JKR they are able to do it, those kinds of things.

■1040

So now, there was already a meeting yesterday. I think more will be on procurement Yang Berhormat. Also, I would like to share with you even on PPP project, PFI project it's the same, you know. We are now regulated by something which is not so clear, the guidelines. I am saying award to concessionaire, how was it done, the costing part and the scope that government should cover, you know. Ending up in a lot of building built full-fleshed you know, campuses but not being utilize to optimize are those kinds of things we are seeing.

Last year I attended one conference in Bueno Aires, Argentina talking on this. Their countries ready legislating through the Parliament on PPP project procurement, those kinds of things. I think your suggestion we will give input through all those various committee I have

mentioned and our people are involved. We are giving from based on our auditing experience. Thank you.

Tuan Pengerusi: *Okay, good.* Banyak input yang diberi oleh Jabatan Audit Negara. Seperti selalu Jabatan Audit Negara adalah rakan kita. Selepas ini kita akan berhadapan dengan MOT, KSU MOT dan pegawai-pegawai mereka. So, saya cadangkan – kita sudah jam 9.00 pagi, satu jam setengah. hampir dua jam. So, kita kembali dengan siasatan jam 11 pagi nanti kalau tiada yang menentang.

So, terima kasih banyak-banyak Tuan Khalid dan *team* yang sentiasa membantu PAC. Tentu sekali kerjasama ini akan berterusan pada masa akan datang, terima kasih.

[Saksi-saksi dari kementerian dan jabatan mengambil tempat di depan Jawatankuasa]

■1100

Tuan Pengerusi: Selamat pagi, selamat datang ke Prosiding Projek Sistem Kutipan Caj Jalan dan Rekod Kemasukan Kenderaan Asing yang dikendalikan oleh PAC Parlimen Malaysia dan hari ini kita akan memulakan prosiding ini dengan kehadiran Yang Berbahagia Datuk Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman, KSU MOT. Bersama-sama KSU adalah Timbalan TKSU Dato' Jana Santhiran Muniayan, SUB Dato' Mohd Fadzli bin Mohd Kenali, SUB Bahagian Pentadbiran dan Kewangan Encik Suhaimi bin Ali @ Ahmad dan anggota daripada MOT saya rasa.

